

## **PROGRAM WOMEN IN SOCIAL ENTERPRISE ( WISE ) 2016**

**Disediakan oleh : Aina Haslinda binti Anuar**

*Women in Social Enterprise ( WISE )* ialah program keusahawanan sosial berkonsepkan pemindahan dan perkongsian ilmu dan kemahiran perniagaan antara Institusi pendidikan Tinggi ( IPT ) dan usahawan mikro ( Sahabat ) di bawah seliaan Amanah Ikhtiar Malaysia ( AIM ). Program ini adalah selaras dengan inisiatif ke-2 Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 iaitu melaksanakan rangka kerja penjana pekerjaan ataupun *job creator framework*.

Peserta program ini terdiri daripada 12 orang pelajar Politeknik Ibrahim Sultan yang dipadankan dengan Sahabat AIM dan diselia oleh Puan Aina Haslinda dan Puan Noor Azreen untuk menjalani kerja lapangan secara sangkutan ( anak angkat ) selama 3 minggu bagi menambahbaik kemahiran dan prestasi perniagaan mereka. Program bermula dari 7 - 24 November 2016 di mana pelajar-pelajar ini berkorban waktu cuti semester mereka untuk menyertai program ini. Mereka dikehendaki menginap di rumah keluarga angkat masing-masing.

Program WISE ini memberi peluang kepada para pelajar untuk mengenali sendiri alam perniagaan sebenar yang memerlukan kemahiran dan kesabaran dalam menjalankan perniagaan sehari-hari. Para Sahabat AIM yang menyertai program ini terdiri daripada pengusaha-pengusaha kantin, Butik Muslimah, kedai peralatan alat tulis, bengkel kereta, penyediaan makanan, restoran dan lain-lain.

BIL.	NAMA PELAJAR	PROGRAM	SAHABAT AIM
1	NAFIZATUL AINI BT ZAIDON	DKM1D	PN ZUBAIDAH BT KARDI
2	SUHADA BINTI ASARI	DUP5A	PN HASLIAH BT HALID
3	NUR HUSNINA BT ROSLI	DFP3A	PN ZAIREDAH BINTI AHMAD
4	LUQMANUL DANIEL B. M LOKMAN	DKM5	PN ARYATI BINTI MOHD HAFASS
5	AMIRA ALIA BINTI MOHD KHAIRI	DUP5C	PN HARITA BINTI HARIS
6	MOHD SYAKIR BIN SAHRUM	DHK5B	PN HASNIZAWATI BT HASAN
7	NUR AIN SOLEHAH BINTI DAGANG	DEP3B	PN ROSNAH BINTI KASRAN
8	HANISA BINTI HAMZAH	DUP5C	PN ZURINA BT HASSAN
9	AISHAH BT MOHD ZAHARI	DRI3C	PN FATIMAH BT ABDULLAH
10	MUHAMMAD AMIERUL HAKIMI BIN REFIID	DHK5B	PN NUR NADIA BT NORDIN
11	NOR NASRINA BINTI NADZERI	DKM3	PN ZAKIYAH BINTI MD TAIB
12	NUREIZNIWATIE BINTI YUSENI	DHM2A	CHE ROSNI BINTI CHE MUSA

Program WISE ini sangat berpotensi untuk dimajukan dan perlukan penambahbaikan agar dapat berjalan lebih lancar. Program ini dapat meningkatkan kemahiran komunikasi, kemahiran pengurusan perniagaan, meningkatkan keyakinan diri, kreativiti dan inovasi serta melibatkan pelajar dengan aktiviti bersama komuniti.

Program yang bersifat keusahawanan sosial ini turut seiring dengan hasrat KPT dalam melahirkan graduan yang kreatif dan inovatif serta mempunyai kemahiran insaniah (KI) yang boleh dibanggakan. Program WISE yang dijalankan ini berjaya menggalakkan hubungan harmoni antara politeknik dan komuniti yang turut secara khususnya dapat mentransformasi Sahabat, sebagai usahawan mikro, untuk memandang lebih jauh dalam bidang keusahawanan yang diceburi. Komitmen para Sahabat AIM dan pelajar-pelajar PIS sangat dihargai dalam menjayakan program ini dan telah mendapat pujian daripada pihak Aim Johor Bahru.



Pelajar PIS dan sahabat AIM yang menyertai program WISE 2016



Wakil AIM wilayah selatan bersama penyelia PIS bagi program WISE 2016



Pn Aina selaku penyelia PIS program WISE 2016 memberi taklimat kepada pelajar dan sahabat AIM yang menyertai



Penyerahan sijil penyertaan kepada pelajar dan sahabat AIM yang telah menjaya program WISE 2016



Pelajar PIS dan sahabat AIM yang menyertai program WISE 2016



Barisan peserta yang menyertai program WISE 2016